

Benarkah Yesus Mati Disalib?

Inti daripada penyangkalan kematian, penguburan dan kebangkitan Yesus adalah kerana mereka yang menyangkal itu percaya Allah tidak akan membenarkan rasul besar-Nya mati dalam keadaan yang begitu memalukan (Sura An Nisaa 4:157-159). Penting bagi kita ketahui bahawa sebelum abad ke-7, tidak ada orang yang sangsi akan kematian Yesus sehinggalah Al-Quran ditulis!

A. Bukti Sejarah

Ada banyak bukti-bukti kukuh daripada ribuan manuskrip (tulisan tangan) kuno yang ditulis di awal abad kedua yang membenarkan apa yang tertulis dalam Injil tentang penyaliban dan kematian Yesus. Kesemua Injil ditulis oleh para saksi mata yang hidup di abad pertama.

Selain daripada itu, beberapa tulisan oleh orang bukan Kristian seperti catatan-catatan sejarah Roma dan Yahudi juga membenarkan peristiwa kematian Yesus di kayu salib, dan perihal orang Kristian yang percaya kepada Kristus yang bangkit dari kematian:

- a. Cornelius Tacitus (*The Annals*) — ahli sejarah Roma yang menulis pada tahun 115 Masihi, mengatakan nama Kristian itu berasal daripada Kristus yang telah disalibkan semasa pemerintahan Tiberius oleh wakil kuasanya, Pontius Pilatus.
- b. Lucian of Samosata (*The Death of Peregrine*) — seorang ahli sejarah Yunani yang menulis tentang orang Kristian menyembah seorang yang bijaksana yang telah disalibkan.
- c. Josephus (*Jewish Antiquities*) — seorang ahli sejarah Yahudi yang menulis antara tahun 90-95 Masihi mencatatkan tentang penyaliban dan kebangkitan Kristus.
- d. Talmud Sanhendrin — mencatat 'pada hari sebelum Hari Perayaan Yahudi, mereka menggantung (menyalib) Yesu (Yesus)'.
- e. Orang Kristian awal juga menggunakan salib sebagai simbol dalam perjamuan suci untuk mengenang pengorbanan Guru mereka (1 Korintus 11:23) dan tidak pernah sangsi akan kenyataan penyaliban Yesus.

B. Bukti dari Alkitab

Kematian Yesus di atas kayu salib tercatat dengan jelas di dalam Alkitab: Selepas menyalibkan-Nya mereka membahagi-bahagi pakaian-Nya dengan membuang undi (Matius 27:35); Berserulah Yesus dengan suara nyaring dan menyerahkan nyawa-Nya (Markus 15:37); Ketika mereka sampai kepada Yesus dan melihat bahawa Dia telah mati, mereka tidak mematahkan kaki-Nya (Yohanes 19:33); Malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu: "Janganlah kamu takut; sebab aku tahu kamu mencari Yesus yang disalibkan itu. Dia tidak ada di sini, sebab Dia telah bangkit, sama seperti yang telah dikatakan -Nya." (Matius 28:5-7)

Terdapat ramai saksi mata ketika Yesus disalibkan (Markus 15:39-41; Yohanes 19:25-27). Mereka adalah para pengikut Yesus, ibu dan saudaranya, serta kepala pegawai Rom. Sudah tentu mereka dapat mengenalpasti Yesuslah yang disalibkan. Mayat Yesus juga dituntut untuk dikuburkan oleh Yusuf dari Arimatea yang pergi menghadap Pontius Pilatus (Matius 27:57-61; Markus 15:42-47; Lukas 23:50-55; Yohanes 19:38-42).

Kepala imam-imam dan orang Farisi juga ingat akan kata-kata Yesus tentang kematian dan kebangkitan-Nya. Sebab itu pada hari Dia disalibkan, mereka datang kepada Pontius Pilatus dan berkata "Tuan, kami ingat bahawa semasa si penipu itu masih hidup, dia pernah berkata, 'Selepas tiga hari Aku akan dibangkitkan.' Oleh itu suruhlah orang mengawal kubur itu baik-baik sehingga hari ketiga. Dengan demikian pengikut-pengikutnya tidak dapat mencuri jenazah Yesus, dan memberitahu orang bahawa dia telah dibangkitkan daripada kematian. Penipuan yang terakhir ini akan lebih buruk daripada yang pertama." (Matius 27:63-64).

Dan yang paling penting adalah, ajaran tentang kematian dan kebangkitan Kristus bermula beberapa hari sejeurus kematian-Nya di kayu salib, dan itu telah berlangsung hingga ke hari ini selepas lebih daripada dua ribu tahun peristiwa itu berlaku!

Membidas Beberapa Teori yang Menyangkal Kematian Yesus

Teori Penggantian telah dikemukakan untuk menjelaskan bahawa bukan Yesus yang suci dan tanpa dosa

itu yang mati di kayu salib. Mereka percaya Yesus tidak mati tetapi diangkat langsung oleh Allah ke syurga. Mereka juga percaya bahawa Allah telah 'menyerupakan' seseorang sebagai pengganti Yesus untuk disalibkan!

Siapakah yang sebenarnya disalibkan menurut mereka? Ada yang mengatakan Yudas Iskariot yang telah dijadikan menyerupai Yesus untuk disalib menggantikan tempat Yesus. Tetapi ini tidak mungkin kerana Yudas Iskariot mati dengan menggantung diri (Matius 27:5; Kisah Rasul-Rasul 1:18). Ada yang mengatakan Simon orang Kirene (Markus 15:21). Ini juga tidak boleh diterima kerana Simon datang dari Libya dan mempunyai paras rupa yang berbeza dengan Yesus. Pendapat lain mengatakan bahawa seorang tentera Roma telah diubah wajahnya kemudian disalib. Bahkan ada yang mengatakan korban penyaliban itu adalah Rasul Yohanes.

Jika tubuh Yesus telah diganti, persoalannya adalah:

1. Kenapa harus melibatkan seorang yang tidak bersalah menggantikan Yesus di kayu salib.
2. Adakah wajar bagi Allah yang Maha Bijaksana dan Maha Kuasa perlu melakukan muslihat demi menyelamatkan nabi-Nya?
3. Apakah tujuan Allah melakukan muslihat itu? Jika tujuan-Nya adalah untuk menyelamatkan Yesus dari mati disalib, bukankah lebih mudah bagi-Nya menyelamatkan Yesus dengan mengangkat Dia terus ke syurga? Mengapa Allah perlu menggantikan tubuh Yesus dengan melakukan muslihat?
4. Bagaimana mungkin Allah boleh menipu orang yang beriman sedangkan Dia tidak pernah berdusta? Jika Yesus bukan Tuhan, penipuan ini pasti sudah menyebabkan pengikut Yesus menyembah tuhan yang lain!
5. Kenapa orang yang disalibkan itu tidak membantah dan menjerit apa lagi bila tangan dan kakinya mahu dipaku?
6. Kenapa Maria mengenali orang yang disalibkan itu adalah anaknya (Yohanes 19:26)?
7. Kenapa Allah harus membohongi para sahabat Yesus yang sudah beriman kepada Yesus (seperti yang dicatat dalam Sura 5:111)?

Satu lagi teori terkenal yang menyangkal kematian Yesus ialah **Teori Pingsan (Swoon)**. Teori ini mengatakan Yesus memang disalib tetapi tidak mati semasa Dia diturunkan dari kayu salib. Dia hanya pingsan (mati suri) dan udara yang segar dalam kubur membolehkan kesihatan-Nya pulih dan bertahan dalam hidup. Dia dapat melepaskan diri dan kemudian mengembara ke Syria, Parsi dan menetap di Kasmir, India. Dia kemudiannya mati pada umur 120 tahun dan dikuburkan di Srinagar, Kashmir. Teori yang dipopularkan oleh Ahmad Deedat (dari mazhab Ahmadiyah) ini juga dikutuk oleh orang-orang Islam yang berpegang kepada ajaran Al Quran!

Kalau benar Yesus hanya mati suri atau pingsan,

1. Bagaimana Dia dapat menahan kesejukan dalam kubur (yang pintu masuknya ditutupi dengan batu besar) tanpa rawatan perubatan?
2. Bagaimana Dia melepaskan diri-Nya dari bungkus kain kapan, menggulingkan batu besar dari pintu kubur dan mengalahkan satu pasukan pengawal dan melarikan diri-Nya tanpa dilihat?
3. Bagaimana Dia dapat berjalan sejauh 7 batu ke Emmaus dalam keadaan yang lemah dan penuh dengan kecederaan?

Seandainya Yesus benar-benar bangun dari keadaan pingsan, Dia menjadi pembohong dan penipu kerana tidak menghentikan para murid-Nya daripada mengajar bahawa Dia telah bangkit daripada kematian!

Untuk Penguhan Iman Kita

Alkitab mengatakan "Kristus sendiri mati sekali sahaja dan untuk selama-lamanya, supaya dosa kita diampunkan. Dia tidak bersalah tetapi mati untuk orang yang bersalah, supaya Dia boleh memimpin kamu kepada Allah. Dia dibunuh dalam keadaan jasmani, tetapi dihidupkan semula dalam keadaan rohani." (1 Petrus 3:18). "Dahulu kita bermusuhan dengan Allah, tetapi Allah menjadikan kita sahabat-sahabat-Nya melalui kematian Anak-Nya. Sekarang sebagai sahabat-sahabat Allah, kita pasti akan diselamatkan kerana Kristus hidup." (Roma 5:10)

Menyangkal penyaliban Yesus bererti menyangkal sebab mengapa Yesus datang ke dunia!